

Gerakan puji formula Pak Lah urus ekonomi

BH- 11/2/2007
KUALA LUMPUR: Kejayaan Malaysia mencatatkan jumlah dagangan yang bernilai lebih RM1 trilion tahun lalu membuktikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerajui negara ini dengan baik.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pencapaian bersejarah itu juga membuktikan formula berbelanja secara berhemah dan berhati-hati yang dilaksanakan Abdullah berjaya meningkatkan ekonomi negara.

Katanya, pujian perlu diberikan kepada Perdana Menteri kerana berjaya menguruskan ekonomi negara dengan baik.

"Pencapaian ini akan meningkatkan kepercayaan pelabur asing kembali di negara ini selain mendorong pelabur baru menanam modal mereka di Malaysia," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat Gerakan di sini, semalam.

Malaysia mencipta sejarah apabila jumlah dagangan negara ini melebihi paras RM1 trilion. Tahun lalu, angka itu memecah RM1.069 trilion, meningkat 10.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Angka bersejarah itu mencerminkan prestasi cemerlang eksport negara yang meningkat sebanyak 10.3 peratus kepada RM588.95 bilion dan import yang melonjak 10.7 peratus kepada RM480.49 bilion.

Dr Lim yang Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi berkata, pencapaian itu juga secara tidak langsung menafikan dakwaan sebelum ini bahawa Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan tidak mampu menerajui negara ini terutama memperbaiki kedudukan ekonomi negara.

Beliau berkata, usaha memperbaiki sistem penyampaian yang ditekankan Abdullah juga dilihat mampu mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara.

"Sehubungan itu, saya menyeru kerjasama sektor swasta dan kerajaan untuk mengekalkan kejayaan yang dicapai negara ini," katanya sambil meletakkan keyakinan tinggi ekonomi negara akan terus berdaya maju beberapa tahun lagi.

Dalam perkembangan lain, Dr Lim berkata, Gerakan mengalu-alukan penubuhan Pasukan Pugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) yang dianggotai 23 profesional sektor awam dan swasta.

Sementara itu, Dr Lim berkata, Persidangan Khas parti itu akan diadakan pada 7 dan 8 April depan bagi penyerahan kuasa kepada Pemangku Presiden sempena peletakan jawatannya sebagai presiden parti.